



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN TUGAS
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

**5 JUN 2020 (JUMAAT), MASA: 11.00 PAGI
DEWAN SERI UTAMA, PEJABAT TYT, SERI NEGERI,
AYER KEROH**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DAN

SALAM SEJAHTERA

Ke hadapan Yang Dikasihi;

Tuan Yang Terutama, Tun Datuk Seri (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka;

Tuan Yang Terutama, Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil bin Yaakob;

**Yang Berhormat Dato Sri Ab Rauf bin Yusoh,
Speaker Dewan Undangan Negeri;**

**Yang Berhormat Datuk Seri Hasim bin Hasan;
Setiausaha Kerajaan Negeri;**

Dif-dif Jemputan, Wakil-wakil Media dan hadirin yang dihormati sekalian.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, dirafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat serta kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama dalam suatu majlis yang amat bermakna dan penuh bersejarah bersempena Majlis Penyerahan Tugas Yang di-Pertua Negeri Melaka pada pagi Jumaat, penghulu segala hari ini.

APRESIASI KEPADA TUAN YANG TERUTAMA, TUN DATUK SERI (DR) HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM

2. Pertama sekali, saya bersama seluruh kepimpinan dan rakyat di negeri Melaka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Tuan Yang Terutama, Tun Datuk Seri (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka yang telah selamat disempurnakan sebentar tadi.

3. Begitu juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman.

***PADI BERISI SEMAKIN TUNDUK,
JIWA RAGA BUKAN KEPALANG,
ADAT PINANG PULANG KE TAMPUK,
ADAT SIRIH PULANG KE GAGANG.***

4. **Sesungguhnya, pelantikan Tuan Yang Terutama Tun sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka secara rasmi pada hari ini telah melakar lembaran baharu dalam catatan tawarikh moden negeri Melaka, bumi bertuah lagi bersejarah ini.**

5. **Betapa tidak, inilah kali pertama seorang anak watan Negeri Melaka telah diangkat untuk menduduki hirarki tertinggi sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka. Sesungguhnya, pelantikan Tuan Yang Terutama Tun benar-benar bagai sirih pulang ke gagang sementelahan kelibat dan susuk tubuh Tuan Yang Terutama Tun bukanlah sesuatu yang asing kepada rakyat dan negeri Melaka.**

6. **Di kesempatan ini, izinkan saya untuk menyembah maklum akan latar belakang dan catatan kejayaan yang telah dilakar oleh Tuan Yang Terutama Tun, sehingga membuatkan segenap lapisan rakyat di negeri Melaka berasa gembira dan bangga kerana mempunyai seorang ketua negeri yang tersohor seperti Tuan Yang Terutama Tun.**

7. Tuan Yang Terutama Tun dilahirkan pada tanggal 24 Ogos 1949 dan merupakan anak jati negeri Melaka dari Kampung Bukit Katil. Memulakan kerjaya awal sebagai Pegawai Kerani di Lembaga Letrik Negara (LLN) yang kini Tenaga Nasional Berhad (TNB). Beliau kemudian dilantik sebagai Penolong Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) negeri Kedah. Seterusnya, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengarah KEMAS negeri Perlis, sebelum menjawat jawatan Pengarah KEMAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan akhir sekali sebagai Pengarah KEMAS negeri Melaka.

8. Tuan Yang Terutama Tun kemudian mendapat kepercayaan daripada Ketua Menteri Melaka Ke-6 apabila dilantik sebagai Setiausaha Khas kepada Ketua Menteri Melaka sehingga tahun 1986. Tuan Yang Terutama Tun pernah dilantik sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan pada tahun 1995 sebelum diberikan pula kepercayaan untuk menggalas tugas sebagai Timbalan Menteri Kesihatan pada 1999.

9. Kemuncak pencapaian laluan kerjaya yang cemerlang itu, Tuan Yang Terutama Tun kemudian dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka Ke-9 dan berkhidmat selama tempoh

kira-kira 14 tahun. Di bawah kepimpinan Tuan Yang Terutama Tun telah berjaya mengubah Melaka daripada sebuah negeri kecil kepada negeri yang maju dan pesat membangun.

10. Antara bukti pencapaian kepimpinan Tuan Yang Terutama Tun, termasuklah Pengisytiharan Melaka Bandar Warisan Dunia, pendapatan per kapita negeri tertinggi di Malaysia serta kadar kemiskinan yang terus berkurangan. Selain itu, Tuan Yang Terutama Tun juga berjaya membuat penetapan gaji minimum di Negeri Melaka iaitu antara yang tertinggi di Malaysia pada ketika itu, selain menjadikan negeri Melaka sebagai antara destinasi popular pelancongan kesihatan (*health tourism*) yang juga tertinggi di Malaysia.

11. Atas pencapaian dan kejayaan yang cukup cemerlang di bawah kepimpinan Tuan Yang Terutama Tun, Kerajaan Negeri Melaka juga berbesar hati untuk menganugerahkan gelaran 'Bapa Kemajuan Melaka' kepada Tuan Yang Terutama Tun.

12. Pelbagai perubahan dan kemajuan lain yang telah berjaya dilaksana dan dicapai di bawah kepimpinan Tuan Yang Terutama Tun, antaranya mengetuai penubuhan Majlis

Teknologi Hijau Malaysia Negeri Melaka. Pada tahun 2008, Tuan Yang Terutama Tun sekali lagi telah berjaya melakar kejayaan dengan penubuhan Yayasan Dunia Melayu Dunia Islam yang pertama bagi menggalakkan kerjasama dalam segala aspek pembangunan di antara umat Melayu-Islam dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

13. Hasil cetusan idea Tuan Yang Terutama Tun, Melaka mula terkenal sebagai “*most visited city in the country*”, seterusnya muncul sebagai destinasi pelancongan yang terkenal di seluruh dunia. Tuan Yang Terutama Tun telah memperkenalkan Melaka River Cruise selain pembinaan Masjid Selat yang menghadap Selat Melaka dan Menara Taming Sari. Sesungguhnya, rakyat dan negeri Melaka berasa cukup bertuah kerana dikurniakan seorang pemimpin idealis lagi praktikal yang sentiasa percaya bahawa tiada apa yang mustahil untuk dicapai asalkan disulami dengan usaha yang bersungguh-sungguh.

14. Maka, benarlah seperti bak kata Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil bin Yaakob bahawa beliau juga mengenali Tuan Yang Terutama Tun sebagai seorang pemimpin yang sangat dinamik, inovatif serta “*action oriented*”. Lihat sahaja segala gerak kerja pembangunan semasa di bawah pentadbiran Tuan Yang

Terutama Tun, negeri Melaka terus membangun dan terkenal seantero dunia. *Yes, I also totally agree with Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil, “Melaka cannot do without Tuan Yang Terutama Tun”.*

15. Justeru, kami akan sentiasa menumpahkan taat setia yang tidak berbelah-bahagi kepada Tuan Yang Terutama Tun dan mengharapkan nasihat, pandangan serta idea Tuan Yang Terutama Tun dalam merealisasikan harapan kerajaan dan rakyat negeri Melaka untuk menjadikan bumi bertuah lagi bersejarah ini terus maju dalam acuan dan kerangkanya yang tersendiri.

***ANAK RAJA TURUN KE LADANG,
TURUN KE LADANG MENEBAK BULUH,
TUN UMPAMA POHON YANG RENDANG,
TEMPAT RAKYAT TUMPANG BERTEDUH.***

16. Justeru, saya dan seluruh rakyat negeri Melaka mendoakan semoga kepimpinan Tuan Yang Terutama Tun akan dikurniakan oleh Allah SWT dengan penuh keadilan dan kebijaksanaan, dan dengannya, negeri Melaka serta seluruh rakyatnya akan terus maju dan makmur.

Ke hadapan Yang Disanjung, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil Bin Yaakob;

APRESIASI KEPADA TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK SERI UTAMA DR MOHD KHALIL BIN YAAKOB

17. Di kesempatan ini, saya mewakili Kerajaan dan rakyat negeri Melaka sekalian, menzahirkan junjungan kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil Bin Yaakob, sepanjang perkhidmatan Tun sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka selama kira-kira 16 tahun sejak tahun 2004.

18. Saya berterima kasih atas kesudian Tun untuk memperkenalkan pelantikan saya sebagai Ketua Menteri Melaka Ke-12 pada 9 Mac 2020. Sesungguhnya jasa bakti serta kepercayaan Tun kepada diri saya untuk memimpin Kerajaan Perikatan Nasional Negeri Melaka amatlah saya hargai dan dizahirkan dengan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

19. Terima kasih juga Tun di atas nasihat dan peringatan yang cukup jelas dan bermakna buat diri saya. Saya akan sentiasa memastikan nasihat Tun untuk menumpukan kepada “*serving the rakyat*” di bawah pentadbiran saya

akan sentiasa menjadi keutamaan, insyaAllah. Dengan kerjasama seluruh barisan pimpinan kerajaan negeri Melaka, segala pelan rancangan pembangunan diyakini mampu digerak dan direalisasikan di bawah naungan dan pimpinan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7 selepas ini.

20. Setiap kejayaan yang dicapai, di situlah Tun, membantu dalam diam dengan idea dan pandangan. Setiap cadangan dan tunjuk ajar yang telah dilontarkan kepada saya dan juga kepimpinan terdahulu akan dijadikan azimat dan panduan untuk memacu Negeri Melaka menjadi sebuah negeri yang maju, disegani dan dihormati di peringkat negeri, nasional mahupun di pentas antarabangsa.

21. Saya serta seluruh barisan kepimpinan negeri percaya, peranan Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil bin Yaakob selama menaungi negeri Melaka adalah lebih daripada itu. Tun laksana tokoh ilmuwan yang luas pengalaman dalam soal agama, diplomatik, pentadbiran, ekonomi, pelaburan, pelancongan, politik, mahupun sukan dan sosial.

22. Segala jasa dan khidmat bakti Tun dalam memartabat serta merangsang pembangunan, budaya dan warisan serta

ekonomi negeri Melaka akan sentiasa kekal terpahat dalam memori seluruh rakyat negeri Melaka.

***BUNGA ROS SEMERBAK BAUNYA,
MENJADI LAMBANG CINTA CEREKA,
BUDI DAN JASA TUN TIADA GANTINYA,
MENJADI KENANGAN RAKYAT MELAKA.***

23. Memetik kata-kata pernah dinukilkan Almarhum Buya Hamka, Tun umpama sekuntum bunga ros. Tidak perlu membanggakan baunya. Semerbak wanginya akan terserak dengan sendiri.

Selamat berangkat Tun dan Toh Puan dalam berkat doa,
Selamat bersara dari segala ujian dan pancaroba,
Selamat beristirahat di samping putera puteri dan keluarga tercinta,
Semoga dikurnia keberkatan usia, dilimpahi nikmat kesihatan serta beroleh keredhaan-Nya.

Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ